

Media Title : Berita Harian
Headline : Jangan mudah termakan umpan penipu siber
Date : 27 July 2023
Section : Mindapembaca
Page : 13



Jangan mudah termakan umpan penipu siber

Jecintah
Sharvina
Sarawanan
Johor Bahru

Perkembangan teknologi bukan hanya memberi banyak kelebihan kepada manusia, tetapi juga melahirkan golongan penipu yang menindas orang lain untuk kepentingan sendiri.

Contoh paling mudah adalah *scammer* yang sentiasa mencari mangsa menerusi kecanggihan teknologi. Apatah lagi sebahagian kita masih terkial-kial menguasai teknologi dan ruang itu digunakan *scammer* untuk menipu.

Mereka sering mencari mangsa melalui pelbagai perkhidmatan kewangan dan telekomunikasi serta platform dalam talian termasuk di media sosial.

Walaupun disekat dan banyak penambahbaikan dalam media sosial untuk mengelak *scammer*, nampaknya mereka turut menambah baik taktik dan strategi untuk menipu.

Kita mesti sentiasa berhati-hati agar tidak termasuk dalam perangkap mereka. Perkara paling utama, jangan berkongsi butiran peribadi dengan mereka yang tidak dikenali seperti maklumat perbankan. Apatah lagi jika diminta menerusi panggilan telefon atau dalam talian.

Meskipun mereka mengaku wakil bank, mahkamah atau polis, jangan mudah terpedaya. Tiada pihak akan menanyakan butiran perbankan anda semudah itu.

Terdapat pelbagai penipuan yang biasa berlaku di Malaysia. Antara paling popular adalah Macau Scam, iaitu penipuan telekomunikasi yang biasanya membabitkan panggilan telefon daripada seseorang yang mendakwa sebagai pegawai kerajaan,

polis atau pegawai bank.

Bertenang jika diancam scammer

Sesetengah daripada kita memang menyedari kewujudan Macau Scam, namun strategi mereka yang suka mengancam dan menakut-nakutkan menyebabkan ada yang termakan umpan menyebabkan berkongsi butiran peribadi bagi mengelak akaun disekat dan sebagainya.

Sebaiknya apa yang perlu dibuat adalah bertenang yang membolehkan anda berfikir dengan baik dan logik. Seterusnya minta pengesahan identiti mereka dan bertegas untuk bertemu di balai polis atau di ruang awam yang dilindungi.

“Seperti teknologi yang berevolusi, perbuatan jenayah juga begitu, jadi sangat penting untuk kita berhati-hati supaya tidak terjebak dalam perangkap mereka”

Ada juga penipuan dibuat menerusi media sosial. Umumnya, ia adalah penipuan pancingan data iaitu sejenis serangan siber, apabila si pelaku menyamar sebagai organisasi atau individu tertentu. Mereka meminta mangsa mengesahkan maklumat sensitif.

Jika anda menerima mesej atau e-mel sedemikian, abaikan atau padamkan sahaja. Jangan klik mana-mana pautan, jauh sekali memberikan maklumat peribadi.

Terdapat juga penipuan yang menawarkan kerja kosong. Mereka akan mengiklankan dalam pelbagai platform, selain menghantar mesej di nombor telefon anda. Abaikan dan jangan terpedaya. Malah anda sebenarnya boleh bertindak melakukan semakan latar belakang majikan dan perekrut.

Akhir sekali, terdapat penipuan percintaan, juga dikenali sebagai *catfishing*. Ini antara penipuan popular semasa pandemik yang menyasarkan individu kesepian dalam media sosial atau aplikasi temu janji.

Penipu cinta ini cuba memenangi hati mangsa supaya memindahkan wang ke akaun tertentu. Anda boleh membuat carian nama, imej atau profil individu itu.

Jangan mudah terpedaya dan berkongsi butiran peribadi. Paling utama jangan mudah jatuh cinta. Seperti teknologi yang berevolusi, perbuatan jenayah juga begitu, jadi sangat penting untuk kita berhati-hati supaya tidak terjebak dalam perangkap mereka.